

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 April 2017

SOALAN

Dato' Chai Kim Sen minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menggunakan teknologi dan IT dalam meningkatkan kemahiran dan keupayaan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan membantu mereka memenuhi aspirasi dan mendapat akses kepada peluang pekerjaan yang berfaedah, bermakna 'high value added' dan berpendapatan tinggi yang selaras dengan Pelan Tindakan OKU 2016-2022.

JAWAPAN

Kerajaan sentiasa komited terhadap aksesibiliti OKU terhadap Maklumat dan Komunikasi. Ini seiring dengan Seksyen 30, Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang mengiktiraf peluang kepada OKU untuk akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi setara dengan orang upaya. Selain itu, Objektif 3, Teras Strategik 1, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) juga memberi penekanan untuk meningkatkan tahap aksesibiliti golongan OKU kepada maklumat dan komunikasi. Antara program yang telah dinyatakan dalam PTOKU adalah untuk menggalakkan akses OKU kepada maklumat dan komunikasi (ICT) termasuk penggunaan internet. Sasarannya adalah sekurang-kurangnya 1 inisiatif oleh setiap penyedia perkhidmatan ICT. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah dilantik sebagai agensi peneraju untuk sasaran ini. Selain itu, program lain yang turut dinyatakan dalam PTOKU adalah seperti berikut: i. Menggalakkan penyediaan dan penyebaran maklumat dan komunikasi dalam format yang dapat diakses dan difahami oleh golongan OKU (termasuk W3C, Braille, audio visual signage) yang diterajui oleh MAMPU; dan ii. Memastikan penyediaan lebih banyak kemudahan sokongan dan bantuan kepada OKU (seperti juru bahasa isyarat, audio description dan augmentative alternative communication (AAC) bagi memastikan akses OKU kepada maklumat yang juga diterajui oleh KKMM. KPWKM telah mengadakan Projek Kerjasama dengan UTM pada akhir tahun 2013 untuk melaksanakan eBraille Al-Quran. Projek ini bermatlamat untuk menghasilkan panel Braille elektronik dan perisian pengajaran Braille yang boleh diintegrasikan sebagai alat bantu mengajar yang mudah dan berkesan bagi membantu OKU penglihatan mempelajari dan menghayati Al-Quran. Ia juga bertujuan untuk membudayakan ilmu di kalangan OKU penglihatan bagi tujuan pembangunan kapasiti. Modul rintis projek ini telah dilaksanakan di 3 buah sekolah di Bahagian Pendidikan Khas. Al-Quran dalam bentuk Braille buat masa ini tersedia dalam bentuk cetakan biasa (hardcopy) yang ketebalannya adalah 6 kali lebih tebal daripada Al-Quran cetakan biasa. AlQuran braille ini telah memenangi beberapa anugerah seperti berikut: i. ITEX 2011 a. Gold Award - Electronic Braille Teaching Panel (eBraille Panel) b. Silver Award - Electronic Al-Quran Teaching Aid ii. INATEX 2010 a. Silver Award - Electronic Braille Teaching Panel(eBraille Panel) b. Silver Award - Electronic Al-Quran Teaching Aid (eBraille) Pemulihan Dalam Komuniti Network atau PDK Net merupakan satu program ICT dan multimedia yang mengandungi portal dan koswer yang dibangunkan untuk pembangunan Orang Kurang Upaya di PDK. Ianya merupakan satu program yang dibangunkan bertujuan untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif di kalangan pengguna OKU melalui penyediaan kemudahan komputer, internet dan koswer pembelajaran khusus untuk pelatih-pelatih di PDK. Projek Rintis PDK Net telah bermula di empat (4) buah PDK di Negeri Melaka pada tahun 2000 dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Demonstrator Application Grant Scheme (DAGS) dan Intergrated Commerce Sdn. Bhd. sebagai rakan teknologi. Sehingga kini PDK Net telah berkembang dan sebanyak 150 buah PDK telah mempunyai PDK Net. Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi telah menawarkan Kursus Pembantu Tadbir (Pengurusan Pejabat) yang diiktiraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap II bersyarat. Dari tahun 2013 hingga kini seramai 149 orang pelajar OKU telah mengikuti kursus ini untuk meningkatkan kemahiran penggunaan Teknologi Maklumat di dalam pengurusan pejabat. Satu lagi inisiatif kerajaan adalah Program eUsahawan dan eRezeki yang dilaksanakan menerusi MDEC. Kedua-dua program ini merupakan inisiatif kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan dan ilmu keusahawanan digital di kalangan golongan belia dan usahawan mikro termasuk OKU. Menerusi program ini, OKU berpeluang untuk menerokai ilmu perniagaan secara atas talian dan membantu mereka untuk mengembangkan perniagaan dengan menggunakan platform digital. Selain itu, bagi memastikan aksesibiliti kepada laman web agensi kerajaan kepada OKU dicadangkan World Wide Web Consortium (W3C) Disability Accessibility iaitu versi capaian kepada orang yang tidak berkemampuan dan Orang Kurang Upaya (OKU). Antara contoh golongan pengguna dan kaedah penyelesaian adalah seperti berikut: (i) Pengguna buta warna - Menggunakan warna-warna yang kontra dalam reka bentuk laman web. Bagi imej atau teks yang menggunakan warna bagi membezakan sesuatu, penerangan tentang warna yang digunakan perlu dipaparkan. (ii) Pengguna cacat penglihatan - Menyediakan penggunaan audio bagi maklumat yang bersesuaian. (iii) Pengguna cacat pendengaran - Menyediakan

paparan grafik ataupun teks bagi maklumat yang disampaikan secara audio. (iv) Warga tua - Penggunaan saiz huruf yang bersesuaian agar mudah dibaca oleh golongan ini. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berharap agar semua program yang telah ditetapkan dalam PTOKU akan dilaksanakan oleh agensi masing-masing agar penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai high value added untuk meningkatkan penyertaan OKU di dalam pekerjaan akan tercapai.

